

10 JUL 2000

Mahathir-Ma'unah

AL-MA'UNAH BERHASRAT TUMBANGKAN KERAJAAN

PUTRAJAYA, 10 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata kumpulan Al-Ma'unah yang merompak senjata di kem tentera di Gerik baru-baru ini berhasrat menumbangkan kerajaan yang ada dengan cara mereka sendiri.

Sambil menyifatkan kumpulan itu sebagai pengganas, Perdana Menteri berkata: "Mereka memang terlibat dengan politik cara mereka. Mereka nak tukar kerajaan ini, nak jatuhkan kerajaan yang ada."

Bercakap kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno di Kompleks Seri Perdana di sini, beliau berkata kumpulan itu bahkan telah meminta supaya semua anggota kabinet mengundurkan diri.

"Mereka telah keluar kenyataan untuk Perdana Menteri dan konco-konconya iaitu semua anggota Kabinet supaya meletakkan jawatan.

"Itu perjuangan dia dan ini terdapat dalam dia punya first communication (hubungan pertama) melalui radio," katanya tanpa mengulas lanjut.

Dr Mahathir berkata kerajaan mungkin menyediakan kertas putih mengenai peristiwa itu yang berakhir Khamis lepas apabila 27 anggota kumpulan termasuk ketuanya Amin Mohamad Razali menyerah diri kepada pihak berkuasa selepas dikepung empat hari di Bukit Jenalek, Sauk.

Dalam kejadian itu, anggota komando Mathew a/k Medan dan detektif Cawangan Khas R. Sagadevan yang ditahan kumpulan itu, telah dibunuh.

MT juga membuat keputusan untuk menerangkan kepada orang ramai mengenai peristiwa itu supaya tidak ada pihak yang akan bersimpati dengan kumpulan pengganas berkenaan.

Dr Mahathir berkata Umno juga akan menerangkan tentang perjuangannya dalam membangunkan umat Islam di negara ini.

-- BERNAMA

MAM AKT MAI